

Gembira lawat mangsa banjir

CHANGKAT JONG - Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor bersyukur kerana berkesempatan melawat mangsa banjir di Daerah Hilir Perak yang kini ditempatkan di Pusat Pemindahan Sekolah Kebangsaan Changkat Jong, di sini, semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (Bakti) memaklumkan, kerajaan sentiasa menitik beratkan soal kebajikan rakyat terutama ketika ditimpa bencana alam seperti banjir.

Rosmah turut menyampaikan sumbangan RM10,000 daripada Bakti kepada Pengerusi Badan Amal dan Usaha Isteri Negeri Perak (Baiduri), Datin Seri Saripah Zulkifli untuk diagihkan kepada mangsa banjir.

Selain itu, mangsa banjir turut menerima sumbangan RM500 setiap keluarga, sumbangan Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang disampaikan oleh Rosmah.